

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 27
 RUANGAN : LOKAL

APM Kedah jalani latihan menyelam

Langkawi: Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Kedah menjalani latihan menyelam selama tiga hari berakhir kelmarin di Pulau Pasir di sini sebagai persiapan menghadapi musim tengkujuh.

Pengarahnya, Leftenan Kolonel (PA) Awang Askandar Ampuan Yaacob berkata, latihan yang disertai 40 peserta itu diadakan bertujuan untuk memantapkan lagi pegawai dan anggota yang berkemahiran dalam unit skuba selain memberi ingatan semula kepada mereka berkaitan ilmu selaman.

Beliau berkata, setakat ini APM Kedah mempunyai 14 pegawai dan anggota Unit Selam yang boleh digerakkan pada bila-bila masa untuk bergabung tenaga dengan agensi lain sekiranya berlaku kejadian lemas dan sebagainya.

"Setakat ini jumlah itu sudah memadai dan kita akan menambah bilangan anggota unit selam bergantung pada keadaan dan setiap lima anggota akan digerakkan pada satu-satu masa.

"Dalam latihan itu kita memberi peluang kepada anggota kita supaya melakukan latihan supaya le-



Dalam latihan itu kita memberi peluang kepada anggota kita supaya melakukan latihan supaya lebih bersiap sedia dalam operasi penyelamatan banjir kilat"

Awang Askandar

bih bersiap sedia dalam operasi penyelamatan sekiranya menghadapi kemungkinan banjir kilat atau perubahan monsun timur laut," katanya ketika ditemui di Pulau Pasir, kelmarin.

Dalam pada itu, Awang Askandar berkata, selain latihan di laut, mereka turut melakukan beberapa siri latihan termasuk latihan menghadapi kepala air yang diadakan di Zon Utara membabitkan anggota di Kota Setar, Kubang Pasu, Padang Terap dan Yan bulan lalu.

Beliau berkata, pihaknya bercadang akan melakukan latihan sama di zon selatan yang membabitkan daerah Kuala Muda, Baling, Sik, Bandar Baharu dan Kulim.

Kuala Terengganu: Seramai 70 'bayi merdeka' dijangka dilahirkan di negeri ini sehingga jam 12 tengah malam tadi, kata Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) Datuk Kasamani Embong semalam.

Menurut beliau, sejak jam 12 tengah malam semalam hingga 10 pagi semalam, 34 kelahiran direkodkan di hospital di seluruh Terengganu membabitkan 17 bayi lelaki dan 17 bayi perempuan.

"Di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), kami merekodkan kelahiran 25 bayi membabitkan 14 lelaki dan 11 perempuan.

"Di Setiu, kami merekodkan dua kelahiran dan masing-masing satu di Dungun, Besut serta Hulu Terengganu," katanya ditemui pada Program Sambutan Bayi Merdeka di Pusat Rawatan Ibu Dan Anak (PRIBA) HSNZ.

Turut hadir Pengarah Jabatan Pendaftaran Mohamad Nasir Kareem, wakil Co-opbank Pertama (CBP) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang mana agensi

berkenaan menyampaikan sumbangan kepada bayi merdeka.

Seorang ibu yang melahirkan anak merdeka, Mas Ayu Abd Wahid, 39, dari Lembah Bidong, Setiu berkata, dia sebelum ini dijangka melahirkan anak pada 23 Ogos lalu.

"Syukur, anak lelaki saya yang juga anak merdeka lahir jam 12.24 pagi hari ini (semalam). Lebih manis, dia bayi pertama dilahirkan pada 31 Ogos di negeri ini.

"Saya juga bersyukur kerana anak dilahirkan sihat malah saya bersalin secara normal," katanya ditemui.

Sementara itu, Nurul Aisyah Mat Yussop, 27, dari Kampung Panji Alam berkata, bayi perempuannya adalah bayi merdeka kedua dilahirkan di negeri ini iaitu pada jam 12.49 pagi.

"Alhamdulillah, saya selamat melahirkan bayi keempat hasil perkongsian hidup dengan suami, Mohd Asyraf Ishak, berusia 26 tahun.

"Kelahiran ini amat istimewa dan saya juga bersyukur kerana semua urusan kami dipermudahkan-Nya," katanya.



70 'bayi merdeka' lahir di Terengganu

KASEMANI (berdiri tengah baju merah) bersama Mas Ayu (duduk kiri) dan Nurul Aisyah pada Program Sambutan Bayi Merdeka di Pusat Rawatan Ibu dan Anak (PRIBA), Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ). - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : DALAM NEGERI

Ada doktor hidap kanser payudara jumpa bomoh

KOTA BHARU: Segelintir golongan profesional termasuk doktor dikesan menggunakan khidmat rawatan tradisional atau bomoh bagi merawat penyakit barah payudara yang dihidapi mereka pada peringkat awal.

Pakar Perunding Bedah Kanser Payudara Dan Endokrin Hospital Raja Perempuan Zainab II, Datuk Dr. Imi Sairi Ab. Hadi berkata, berdasarkan maklumat, ada golongan doktor berusia dalam lingkungan 30-an mengakui mereka mendapat rawatan awal daripada bomoh.

Namun, katanya, kes yang dikesan sejak lima tahun kebelakangan ini amat terencil dan ia melibatkan segelintir doktor.

"Berdasarkan maklumat, kebanyakan mereka (doktor) yang berjumpa bomoh itu menghidap kanser payudara tahap dua hingga tiga. Selepas berusaha dengan kaedah tradisional, mereka tetap datang ke hospital untuk rawatan lanjut.

"Kita tidak menolak kemungkinan mereka terpengaruh dengan desakan ahli keluarga untuk mendapat rawatan awal dengan bomoh,

namun akhirnya tetap ke hospital untuk menerima rawatan," katanya ketika ditemui pemberita selepas Seminar Kanser Payudara Setulus Hatimu di sini, semalam.

Dr. Imi Sairi yang juga pengasas Kelab Kanser Payudara (Kedara) memberitahu, selain golongan profesional, orang awam yang menghidap kanser di Kelantan didapati turut memilih untuk mendapatkan rawatan tradisional sebelum merujuk penyakit mereka ke hospital.

Katanya, ia menunjukkan bahawa tahap kesedaran mengenai kanser payudara dalam kalangan masyarakat masih rendah.

"Penghidap kanser payudara di Kelantan paling dikesan di daerah Pasir Mas diikuti Kota Bharu. Kebanyakan daripada mereka berusia dalam lingkungan 30 hingga 40 tahun.

"Oleh itu, individu yang dikesan menghidap kanser payudara disaran segera menjalani ujian saringan mamogram bagi mengenal pasti tahap penyakit masing-masing sebelum mendapatkan rawatan lanjut," ujarnya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

Masih ada doktor jumpa bomoh rawat kanser payudara

Pesakit hanya dapat rawatan hospital apabila penyakit berada tahap tiga, empat

Oleh Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Masih ada sebilangan kecil golongan profesional termasuk doktor yang mempercayai dan mendapatkan rawatan tradisional serta khidmat bomoh untuk penyakit kanser payudara.

Pakar Perunding Bedah Kanser Payudara dan Endokrin Hospital Raja Perempuan Zainab II

(HRPZ II), Datuk Dr Imi Sairi Ab Hadi, berkata ia dikesan sejak lima tahun kebelakangan ini dan turut diakui mereka yang berusia lingkungan 30-an.

Katanya, mereka memilih menjalani rawatan alternatif atau bomoh kononnya tidak menyakitkan, selain terpengaruh dengan dakwaan ia boleh dirawat sehingga sembuh.

"Kebanyakan pesakit kanser payudara termasuk golongan profesional hanya merujuk hospital ketika kanser berada pada tahap tiga dan empat selepas khidmat bomoh gagal," katanya kepada pemberita selepas Seminar Kanser Payudara 'Setulus Hatimu' di sini, semalam.

Risiko penyumbang kanser

Terdahulu, 84 peserta Kelab Kanser Payudara (KEDARA) dan pasangan masing-masing mengha-

diri seminar bagi pesakit kanser payudara tahap tiga dan empat.

Dr Imi Sairi yang juga Pengasas KEDARA berkata, ada beberapa faktor risiko penyumbang kepada kanser payudara iaitu usia yang meningkat; datang haid awal (sebelum 12 tahun) atau putus haid lewat (selepas umur 50 tahun); makan makanan yang mengandungi banyak lemak haiwan; tidak menyusukan anak; tidak pernah melahirkan atau melahirkan anak pertama ketika berusia lebih 30 tahun.

"Hanya saringan mamogram dan ultrasound boleh dilakukan untuk mengesahkan ketulan dikesan itu kanser atau sebaliknya.

"Sekiranya kanser ini dikesan awal, ketumbuhan mungkin masih kecil dan belum merebak.

"Kebolehsembuhan pesakit da-



Dr Imi Sairi bersama peserta Seminar Kanser Payudara 'Setulus Hatimu' di Kota Bharu, semalam.
(Foto Hazira Ahmad Zaidi/BH)

ripada kanser adalah jauh lebih tinggi berbanding pesakit yang datang dalam keadaan ketumbuhan sudah besar dan merebak ke organ lain dalam badan.

"Justeru, saya menasihatkan semua golongan wanita supaya lebih cakna dengan payudara masing-masing bagi mengesan kanser payudara pada peringkat awal," katanya.

Beliau berkata, tahap kesedaran masyarakat di Kelantan masih rendah, selain ada dalam kalangan pesakit tidak mendapat

sokongan suami.

Dr Imi Sairi turut menggesa masyarakat menghentikan kepercayaan kepada bomoh atau rawatan alternatif, khususnya yang hanya ingin mengaut keuntungan cepat atas kesengsaraan orang lain.

"Bagaimanapun, lebih mengemukakan ada juga dalam kalangan bomoh itu sendiri yang menghidap penyakit kanser payudara datang berjumpa saya untuk mendapatkan rawatan terbaik di hospital," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 3
 RUANGAN : NEGARA

Hanya melibatkan segelintir pengamal perubatan **Ada doktor jumpa bomoh ubati kanser**

Oleh ROSLIZA MOHAMED

KOTA BHARU – Seorang pakar bedah mendedahkan terdapat segelintir golongan profesional termasuk doktor dikesan menggunakan bomoh bagi merawat penyakit kanser yang dihidapi mereka pada peringkat awal.

Pakar Perunding Bedah Kanser Payudara Dan Endokrin, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Datuk Dr. Imi Sairi Ab. Hadi berkata, berdasarkan maklumat, ada golongan doktor berusia dalam lingkungan 30-an mengakui mereka mendapat rawatan awal daripada bomoh.

Bagaimanapun katanya, kes yang dikesan sejak lima tahun kebelakangan ini amat terencil dan ia melibatkan segelintir golongan pengamal perubatan tersebut.

"Berdasarkan maklumat, kebanyakan mereka (dokter) yang berjumpa bomoh itu menghidap

kanser payudara tahap dua hingga tiga. Selepas berusaha dengan kaedah tradisional, mereka tetap datang ke hospital untuk rawatan lanjut.

"Kita tidak menolak kemungkinan mereka terpengaruh dengan desakan ahli keluarga untuk mendapat rawatan awal dengan bomoh, namun akhirnya tetap pergi ke hospital untuk menerima rawatan," katanya ketika ditemui pemberita selepas Seminar Kanser Payudara 'Setulus Hatinu' di Hotel Grand Renai di sini semalam.

Seramai 84 peserta yang juga merupakan Kelab Kanser Payudara (Kedara) hadir bersama pasangan masing-masing untuk menyertai seminar selama sehari itu.

Mengulas lanjut, Dr. Imi Sairi yang juga pengasas Kedara berkata, selain golongan profesional, orang awam yang menghidap kanser di Kelantan didapati

turut memilih untuk mendapatkan rawatan tradisional atau bomoh sebelum merujuk penyakit mereka ke hospital.

Menurutnya, ia menunjukkan bahawa tahap kesedaran mengenai kanser payudara dalam kalangan masyarakat masih rendah.

"Penghidap kanser payudara di Kelantan paling dikesan di daerah Pasir Mas diikuti Kota Bharu. Kebanyakan daripada mereka berusia dalam lingkungan 30 hingga 40 tahun.

"Oleh itu, individu yang dikesan menghidap kanser payudara disarankan supaya segera menjalani ujian saringan mamogram bagi mengenal pasti tahap penyakit masing-masing sebelum mendapatkan rawatan lanjut," katanya.

Tambahnya, faktor utama penyumbang kepada penyakit kanser payudara adalah keturunan dan pemakanan.



PESAKIT kanser dinasihati supaya menjalani rawatan moden berbanding bomoh supaya dapat pulih daripada penyakit yang menjadi ketakutan orang ramai itu. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Sebelum kerajaan buat kelonggaran atau mansuh pemakaian pelitup muka Pastikan 70 peratus sudah booster

Oleh AZMI NORDIN

PETALING JAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) diminta agar memastikan populasi rakyat Malaysia sudah mendapatkan dos penggalak sekitar 70 peratus sebelum membuat keputusan melonggarkan pemakaian pelitup muka di tempat tertutup.

Pakar Kesihatan Komuniti Pakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, tidak perlu terburu-buru untuk mengikut jejak langkah Singapura kerana populasi mereka kecil dan mudah dikawal.

Katanya, pemakaian pelitup muka diwajibkan berkuat kuasa 1 Ogos 2020 dan dilonggarkan di kawasan terbuka pada 1 Mei lalu itu memerlukan persiapan rapi untuk ke 'langkah' seterusnya.

"KKM juga perlu bersedia hadapi varian baharu, kita pernah dikejutkan dengan wabak influ-



PEMAKAIAN pelitup muka masih menjadi kemestian berikutan penduduk negara ini belum mencecah 70 peratus menerima dos penggalak. – GAMBAR HIASAN

enza dan cacar monyet, dan kini varian BA.4 serta BA.5 dikesan.

"Hospital juga perlu bersedia dengan peningkatan pesakit tidak kira pesakit peringkat 1, 2 atau 3, mereka pastinya perlu

bantuan doktor meskipun dikategori tidak serius," katanya ketika dihubungi Kosmo semalam.

Sehubungan itu, Dr. Sharifah berpendapat orang ramai masih lagi perlu memakai pelitup muka

di tempat tertutup meskipun situasi kes Covid-19 kini semakin menurun.

"Kita perlukan masa sedikit lagi untuk buat keputusan, tidak boleh dilupakan kadar golongan

rentan di Malaysia ini juga tinggi, ditambah pula data menunjukkan hanya 49.7 peratus rakyat Malaysia mengambil dos tambahan," katanya.

Terdahulu media melaporkan, Pengerusi Majlis Pemulihan Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, keputusan pemansuhan pemakaian pelitup muka di tempat tertutup akan diteliti dan diputuskan KKM.

Sementara itu, pakar kesihatan, Prof. Dr. Malina Osman menyokong untuk membuka pelitup muka dalam masa yang terdekat kerana data yang diperoleh kini sangat menyokong hasrat itu.

"Saya cenderung mengikut jejak langkah Singapura dengan kelonggaran pemakaian pelitup muka, melihat jemaah haji pulang tempoh hari, tiada perkara besar melibatkan kesihatan menimpa masyarakat meskipun mereka berada di luar negara dan pulang ke sini," ujarnya.

Keterujaan sambut 'bayi merdeka' pada Hari Kemerdekaan

KUALA TERENGGANU – Sambutan Hari Kebangsaan ke-65 semalam dimeriahkan dengan kelahiran 'bayi merdeka' di seluruh negara.

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr. Kasamani Embong berkata, seramai 34 'bayi merdeka' dilahirkan di seluruh Terengganu semalam.

"Seramai 25 bayi dilahirkan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini; Hospital Kemaman (empat), Hospital Setiu (dua) serta Hospital Dungun, Hospital Besut dan Hospital Hulu Terengganu pula masing-masing satu bayi," katanya di Pusat Rawatan Ibu dan Anak, HSNZ semalam.

Di **Johor Bahru**, seorang suri

rumah, Nurul Natasyafiena Sapari, 24, berkata, dia gembira kerana anak pertama bersama pasangan, Zainul Muttaqim Muhd Lutfi, 24, dilahirkan pada tarikh bersejarah negara.

"Rasa seronok juga kerana tarikh itu senang untuk diingat," katanya yang ditemui di Hospital Pakar KFJ Bandar Dato' Onn, di sini semalam.

Sementara itu, seorang lagi bapa kepada bayi merdeka, Ee Chin Siang, 34, memberitahu, anak lelaki keduanya itu dilahirkan pada pukul 9.35 pagi semalam dengan berat 3.43kg.

Menurutnya, pada 29 Ogos lalu, isteri mula beritahu ada rasa seperti hendak bersalin dan

mereka terus ke hospital, namun bayi itu masih tidak mahu 'keluar', mungkin untuk menantikan tarikh bersejarah semalam iaitu 31 Ogos.

Di **Melaka**, Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali berkata, seramai empat bayi lelaki dan lima perempuan dilahirkan secara normal dan pembedahan di Hospital Melaka, di sini bermula pukul 3.32 pagi sehingga 9.38 pagi semalam.

"Tradisi yang kita buat setiap kali sambutan kemerdekaan adalah meraikan bayi-bayi yang lahir pada 31 Ogos. Bayi inilah dipanggil 'anak-anak merdeka' dan saya doakan mereka menjadi anak soleh dan pemimpin suatu hari nanti," katanya.



KASEMANI (tengah) menyantuni salah seorang daripada 'bayi merdeka' di HSNZ, Kuala Terengganu semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SUARA/SINAR

Orang sakit tambah sakit kawasan hospital jadi tempat merokok

KESEDARAN dan pematuhan rakyat Malaysia terhadap larangan merokok di kawasan serta premis awam masih rendah. Ini kerana masih ada perokok yang gagal mematuhi peraturan seperti termaktub dalam senarai kawasan larangan merokok yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Merak Jalanan tak pasti adakah mereka ini tidak tahu bahawa parkir awam dalam hospital adalah kawasan larangan merokok atau sengaja buat-buat tidak tahu.

Kawasan parkir tersebut sebenarnya

masih lagi dalam kawasan hospital dan jika ditangkap, mereka boleh dikenakan denda. Namun, perokok ini nampaknya seperti tidak takut untuk merokok secara terbuka, sesetengahnya pula merokok di dalam kereta.

Ini adalah pemerhatian Merak Jalanan di sebuah hospital kerajaan di Lembah Klang sepanjang empat hari berulang alik ke sana kerana ada ahli keluarga masuk wad akibat masalah kesihatan.

Sudahlah melakukan kesalahan merokok di tempat yang dilarang, puntung

rokok pula dibuang merata-rata walaupun ada tong sampah disediakan.

Kedua ini mencacatkan pemandangan dan menyusahkan pekerja pembersihan untuk mengutip setiap puntung yang dibuang ke tanah.

Tidak kurang juga ada individu yang ditegur merokok di parkir hospital bertindas memarahi orang yang menegur perbuatan mereka.

Merak Jalanan sebenarnya tak terkejut dengan fenomena ini kerana baru-baru ini sebuah persatuan pengguna dapat me-

ngutip 1,000 puntung rokok dalam tempoh sejam, yang dibuang di sekitar sebuah hospital kerajaan di Pulau Pinang.

Merak Jalanan fikir seeloknya individu yang merokok di kawasan larangan ini dikenakan tindakan lebih tegas agar menjadi pengajaran kepada yang lain.

Perkara yang salah kalau dinormalisasikan akan jadi ikutan orang lain. Hospital adalah tempat orang sakit mendapatkan rawatan. Sangat tidak wajar jika udara dicemari dengan asap rokok yang boleh menyebabkan orang sakit bertambah sakit.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS/NATION

HEALTH WHITE PAPER

PRIVATE HOSPITALS READY TO HELP COUNCIL

They have more than 50 years of experience in healthcare, says association head

TEOH PEI YING
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my



Datuk Dr Kuljit Singh



Tan Sri Dr S. Subramaniam



Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan

PRIVATE hospitals will assist in stakeholder engagements with the Health White Paper Advisory Council.

Association of Private Hospitals Malaysia president Datuk Dr Kuljit Singh said this could be done by providing feedback and suggestions to the council.

He welcomed the announcement of the 13-member advisory council by Health Minister Khairy Jamaluddin on Saturday.

"The involvement of former health minister Tan Sri Dr S. Subramaniam and Axiata Group chairman Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan will be a great asset to the white paper as it strengthens the salient features of the paper's objective.

"The advisory council should have economists and financial experts instead of medical doctors exclusively to achieve the desired outcomes," he said yesterday.

He said even though private

hospital representatives were not in the council, their support promised to be very beneficial.

"Private hospitals have close to 50 years of experience in providing healthcare in this country.

"As reported in the Malaysia National Health Accounts Health Expenditure Report 1997-2019, private healthcare (represents) about 43 per cent of total expenditure on health.

"Out of that percentage, 35 per cent comprises private household out-of-pocket expenditures and eight per cent is private insurance, combining private hospitals and private clinics. This has significantly reduced government expenditure, particularly for those who can afford private healthcare," said Dr Kuljit.

The advisory council unveiled by Khairy is co-chaired by Dr Subramaniam and Shahril.

Khairy said the members were selected based on their expertise and experience not only in medicine, but also in the econom-

ic, academic and social sectors.

Khairy added that the main thrust of the white paper should be on the restructuring of public healthcare to provide easy and seamless services to all citizens through a smart partnership with private healthcare practitioners.

"This should be done without any change in the existing business structure of the private health-care system, which includes any sort of regulatory efforts in cost.

"Private healthcare cost in Malaysia is the lowest in the region despite the increasing cost of healthcare devices and products.

"The contribution of 220-plus private hospitals in urban and suburban parts of the country have increased healthcare accessibility to many citizens and non-citizens, including from local corporate entities and foreign investment companies.

"Medical tourism is an additional source of income for the country that the white paper should strengthen further," he said.

CLUSTER DETECTED IN SEREMBAN

New Covid-19 cases rise to 2,144 on Tuesday

KUALA LUMPUR: The number of new Covid-19 cases increased to 2,144 on Tuesday from 1,946 on Monday.

Kuala Lumpur reported 462 fresh cases, which was the highest in the country, followed by Selangor, which logged 419 infections, and Sabah with 220 cases.

Other states with three-digit infections were Sarawak that registered 138 cases, Perak (167), Kelantan (113), Melaka (108), Kedah (103) and Negri Sembilan (101).

Those below the 100 mark were Penang (98), Johor (80), Pahang (54), Terengganu (39), Putrajaya

(30), Labuan (7) and Perlis (5).

A new high-risk cluster was identified by the Health Ministry on Tuesday.

The Jalan Han Fui Foong 2 cluster was detected in Seremban, and has so far produced 10 cases.

Up to Tuesday, a total of 4,780,284 people in the country had been infected with the coronavirus.

The ministry on Tuesday also reported 2,549 recoveries, taking the total number to 4,712,915.

Four deaths from Covid-19 were reported, taking the national toll to 36,210 since the pandemic began.

Active Covid-19 cases continued to decline, with 31,159 infections; 95.6 per cent are in home quarantine, 4.1 per cent are hospitalised, 0.3 per cent are treated in intensive care units and 15 cases are at Covid-19 quarantine and low-risk treatment centres.

A total of 1.4 per cent of the population, or 465,055 individuals, have received a second booster jab.

Almost 50 per cent of the children in the country, or 1,772,320 people aged 5 to 11, have also been inoculated once against Covid-19.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

DOUBLE HAPPINESS

Putrajaya Hospital welcomes six babies on National Day

PUTRAJAYA: Six babies — four girls, two boys — were born at Putrajaya Hospital between 1.03am and 8am on National Day yesterday, the hospital's deputy director (management), Anthony Dinsh Balan, said.

Teacher Nurul Huda Ali Mokhtar, 38, said she and her husband, Zuleskandar Husin, 43, had been wishing for a son for three years.

"We can't believe Allah finally answered our prayers."

She said she was happy that her son was born during the call for Subuh prayers, which could be heard from a nearby mosque.

This is her fifth child.

"My husband is very happy. We are still discussing the best name to give our baby. We are planning a *kenduri kesyukuran* (thanksgiving ceremony)."

Housewife Fatimah Rabani Sarfarizam, 25, from Salak Tinggi, Sepang, said the birth of her first

child at 2am on National Day was unexpected as she was supposed to give birth on Aug 23.

She and her husband, Muhamad Zulfikri Zainal, 25, said their daughter's birth fell on the same month as their wedding anniversary on Aug 13.

"We named her Faeqqa Amani, which means outstanding and perfect. She is the first grandchild on my in-laws' side."

For housewife Sari Imaniza Doni Candra, 26, from Kampung Jijian, Nilai, Negri Sembilan, the birth of her baby girl at 3am was a blessing she had been awaiting for two years.

She said according to the birth plan made by her doctor, she was supposed to deliver on Sept 8.

Sari Imaniza and her husband, Nur Azam Razali, 28, were surprised when she started experiencing labour pain, leading to her being warded at 4pm on Tuesday.



Some of the mothers holding their newborns at Putrajaya Hospital yesterday. PIC BY MOHD FAULI HAMZAH

"My mother-in-law suggested we name the baby Azra and my mother suggested Imani. We have decided to combine both and name our baby Nur Azra Imani."

In **Pasir Mas**, Mohamad Merdeka Che Soh celebrated his 65th birthday yesterday.

The retired teacher said his fam-

ily and friends attended his birthday celebration.

"I am happy as I can finally invite friends to my birthday do."

"Like others who are celebrating their birthday today (yesterday), I'm grateful and proud to be part of history," said the father of five.

Mohamad Merdeka said he

looked forward to celebrating his birthday with bigger bashes.

This year, he caught up with friends and enjoyed food while watching the National Day parade on television.

"The parade and activities are so colourful. I hope to attend next year's event."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS/NATION

'THERE IS SOMETHING ABOUT MALAYSIA'

DOCTOR PICKED MALAYSIA OVER U.S.

Gastroenterologist forwent 6-figure salary to serve in birthplace

SHARANJIT SINGH
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

AS Malaysia celebrated her 65th birthday yesterday, the issue of brain drain, or flight of highly trained professionals leaving the country, remains a hot topic.

A recent report highlighted that an estimated 500,000 highly skilled Malaysians were dispersed worldwide, opting to work overseas after graduation instead of returning to serve the country.

That was exactly what Datuk Dr Ryan Ponnudurai had imagined he would do when he left Alor Star to study medicine in Ireland in the 1980s, before moving on to the United States where he was offered a high paying, top notch job at a hospital in San Diego.

However, instead of grabbing the offer, he decided to serve in his birthplace, or "third world country" as it was described by some back then.

"So I packed my bags and flew home. I thought I would work here for one or two years before going back to the US.

"However, that did not happen. I loved Selayang Hospital so much that I never went back.

"I gave up San Diego for Selayang, and I have never regretted it."

The gastroenterologist, who is now based at the Prince Court Medical Centre, recounted his journey having to deal with bu-



Gastroenterologist Datuk Dr Ryan Ponnudurai (centre, inset) was roped in by former prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad to set up Prince Court Medical Centre.



reaucacy upon returning home.

Despite all his qualifications, including having been trained in Germany at one of the best centres in the world for endoscopic ultrasound procedures, he was only offered a medical officer's position.

"The Health Ministry then delayed confirming my position as they were not sure how to recognise my qualifications.

"I showed them the offer letter from San Diego, which highlighted the US\$350,000 a year salary and the Nobel Visa (which is given to individuals who possess extraordinary ability in the sciences) that was given to me by the Americans. Despite all this, they were just going to make me a medical officer here.

"They said, 'Oh, just for one year because we can't understand this gastro training'."

However, instead of being disheartened, he set up the gastroenterology unit at the hospital and continued to train others.

"I said, 'Okay, I will continue training other doctors for one year'. I worked for free but I did not complain because I thought I was going back to America anyway."

His fortune turned when a cardiologist, who was treating the

then prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad, found out about his situation.

"The cardiologist got my CV and went to Dr Mahathir and told him about what is happening to our people who have returned but are not being recognised.

"Dr Mahathir immediately contacted the health minister, and within two days, everything, including my pay, was backdated and I was given a consultancy position."

Since then, Dr Ryan went on to develop endoscopy ultrasound services at the hospital and start live endoscopy workshops for international audiences.

"We were doing all sorts of endoscopy procedures. We became world-renowned. We even did live transmissions to Harvard University.

"People came to watch us conduct the procedures. At the same time, the Americans started asking me when would I go back to the US.

"But I loved working at Selayang Hospital and in the middle of my second year, I told them that I was giving up my San Diego position."

After six years at Selayang Hospital, Dr Ryan again crossed paths with Dr Mahathir when the latter roped him in to set up a premier hospital in the country, Prince Court Medical Centre, which is now regarded as one of the top 10 hospitals in the world.

The 56-year-old said he had also been offered positions at world-renowned medical centres, such as the Mayo Clinic and Cleveland Clinic.

However, he turned down all the offers to serve in Malaysia.

"I kept saying 'no' because I am very idealistic about this country. My wife was very keen to go back to San Diego.

"However, there is something about Malaysia. I would have thought a lot more about coming back to Malaysia if I had stayed elsewhere."